



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA
(siaran segera)

KELUARGA BIJAK SIBER FOKUS
SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2018

SEREMBAN, 3 Nov. – Keluarga bijak siber telah dipilih sebagai fokus utama Bulan Keluarga Kebangsaan 2018 anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertemakan ‘Keluargaku Sayang’ yang dilancarkan di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail berkata, “Keselamatan di alam siber merupakan salah satu daripada sembilan (9) tonggak Revolusi Industri yang mengambil kira kepentingan teknologi kepada kehidupan manusia.”

“Hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-5 (KPKM-5, 2014) mendapati penggunaan telefon adalah medium komunikasi paling tinggi yang digunakan dalam kalangan remaja dengan ibu bapa iaitu 73 peratus, diikuti sistem pesanan ringkas (SMS) 54.6 peratus dan media sosial 15.6 peratus”, tambah Wan Azizah.

Sehubungan dengan itu, KPWKM hari ini turut melancarkan aplikasi maya mykafeTEEN iaitu aplikasi mesra remaja hasil kerjasama *United Nation for Population Fund* (UNFPA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebagai usaha terbaharu mendidik dan memberi khidmat sokongan kepada remaja khususnya berkaitan isu kesihatan reproduktif.

Menurutnya lagi, "Aplikasi interaktif merupakan peluasan premis perkhidmatan Pusat Remaja Kafeteen secara fizikal kepada maya yang menyediakan informasi kesihatan reproduktif, permainan edutainment e-games, selain aktiviti interaktif Teen Talk dan Teen Chat bersama kaunselor remaja dan doktor."

Selain pelancaran aplikasi, pengisian lain sepanjang sambutan ialah Bicara Santai dan Forum Keluarga yang berkonsepkan Keluarga Bijak Siber melibatkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Cyber Security Malaysia serta beberapa badan bukan Kerajaan (NGO) iaitu WADAH, Pertubuhan IKRAM Malaysia dan Focus On The Family.

Dalam masa sama, Wan Azizah turut merasmikan Pusat Keluarga Bergerak (bas) yang dijenamakan sebagai 'Kitakan Keluarga', iaitu sebuah coaster yang diubahsuai menjadi klinik bagi perkhidmatan saringan kesihatan keluarga, perancang keluarga, papsmear, urutan MamaCare, PapaCare, kembara kaunseling serta program interaktif remaja kafeTEEN.

Program berkonsepkan karnival yang dihadiri lebih tiga ribu pengunjung sejak awal pagi, turut dihadiri Nicole Tan Lee Koon, Exco Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Negeri Sembilan, Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, Zulkefly Mohamad bin Omar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan dan Dato' Mariam Mas Yacob, Pengerusi LPPKN. Sambutan Bulan Keluarga turut diadakan di peringkat negeri sepanjang November ini.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

019-2333 415 (Rosmonaliza Abdul Ghani)

017-4118 177 (Khairulnizam Ahmad)